

PERSARAAN [PP 4/2003 & PP 6/2008]

- i. Mulai 1 Ogos 2010 semua urusan berkaitan dengan persaraan wajib, persaraan pilihan dan mati dalam perkhidmatan perlu dibuat melalui HRMIS. Pegawai perlu sentiasa mengemaskini maklumat peribadi di dalam HRMIS dan juga UIMS bagi memudahkan urusan persaraan pegawai kelak.
- ii. Pegawai yang dilantik mulai 1 Julai 2008, umur persaraan pegawai adalah 58 tahun. Pegawai yang pernah membuat opsyen kekal 55 tahun atau 56 tahun semasa di jabatan lama dan diberi pelepasan dengan izin ke UPSI mulai 1 Julai 2008, umur persaraan adalah 58 tahun.
- iii. Terdapat pelbagai jenis persaraan dan peraturan yang berkaitan seperti maklumat di bawah:

Jenis Persaraan & Peraturan	Perkara
Persaraan Paksa Di Bawah Seksyen 10 Akta 227/239 21	Persaraan Kerana Mencapai Umur 55 Tahun, 56 Tahun atau 58 Tahun
	Persaraan Atas Sebab Kesihatan
	Persaraan Kerana Jawatan yang Dipegang Dihapuskan
	Persaraan Kerana Penyusunan Semula Organisasi
	Persaraan Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam
	Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia

	Persaraan Kerana Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam
Persaraan Di Atas Kehendak Kerajaan atau Menteri Di Bawah Seksyen 11 Akta 227/239	Persaraan Atas Alasan Kepentingan Negara
	Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam atau Perkhidmatan Badan Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan
Persaraan Pilihan Di Bawah Seksyen 12 Akta 227/239	
Persaraan Kerana Penswastaan Agensi Awam Di Bawah Subseksyen 10(5)(b), 12, dan 12A Akta 227 atau Subseksyen 10(5)(b), 12 dan 13 Akta 239	

Tanggungjawab bakal pesara dan orang tanggungan adalah seperti berikut:

- a. Bakal pesara atau orang tanggungan (bagi kes kematian dalam perkhidmatan) adalah bertanggungjawab memberi kerjasama sepenuhnya kepada BSM dalam melengkapkan segala butiran di dalam borang serta mengemukakan dokumen persaraan yang diperlukan.
- b. Bakal pesara bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan ke JPA adalah betul, tepat, terkini dan lengkap.

- c. Bakal pesara adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan surat permohonan pencen hilangupaya kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan sekiranya ada kaitan dengan persaraannya, manakala bagi pencen tanggungan pula orang tanggungan adalah dikehendaki mengemukakan surat permohonan melalui majikan gemulah untuk pertimbangan pembayaran pencen tanggungan oleh JPA sekiranya memenuhi syarat di bawah undang-undang pencen.

Pegawai yang ingin bersara awal (persaraan pilihan) perlu memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu berumur tidak kurang 40 tahun dan telah berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun. Pegawai yang bersara pilihan hanya akan memperolehi GCR (dibayar oleh UPSI) dan ganjaran perkhidmatan (dibayar oleh JPA) pada hari persaraan pegawai manakala pencen bulanan akan diperolehi pada umur sebenar persaraan pegawai.

Pegawai yang didapati tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya kerana kelemahan akal atau tubuh yang kekal hendaklah dihadapkan ke Lembaga Perubatan mengikut PP 10/1995 dan sekiranya diperakukan oleh Lembaga tersebut, pegawai berkenaan boleh dibersarakan.

Formula bagi pengiraan pencen perkhidmtan dan ganjaran perkhidmatan adalah seperti di bawah:

Pencen Perkhidmatan	$\frac{1}{600} \times \text{Jum. genapnya bulan perkhidmatan yg boleh dimasukkan kira} \times \text{Gaji Akhir}$ <p>** Tertakluk kepada maksimum 3/5 daripada gaji akhir yang diterima jika perkhidmatan lebih</p>
--------------------------------	--

	30 tahun dan minimum RM720 bagi perkhidmatan 25 tahun dan ke atas.
Ganjaran Perkhidmatan	7.5% x Jum. genapnya bulan perkhidmatan yg boleh dimasukkan kira x Gaji Akhir

Bagi mereka yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, faedah persaraan yang dipanggil faedah terbitan akan diberikan kepada orang tanggungan mengikut peraturan-peraturan pencen yang berkuat kuasa.